

ورتاق فرنشن Warta Penerangan

MEI 2019



مقرنکلنکن اقليکاسي موده اليه جابتن ڤرنغون



InfoDeptBN



Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the
App Store

GET IT ON
Google Play


Memperkenalkan

Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
 - Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
 - Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI ?

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Giant Mall, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
19. Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAJ Jln Kebangsaan
24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

DAERAH TUTONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

DAERAH BELAIT

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

DAERAH TEMBURONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Terminal Perahu Tambang
3. Kompleks Utama Bumiputra
4. Hospital PIHM
5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



InfoDeptBN

Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun **InfoDeptBN**.





**Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penashih
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Rekaletak
Unit Penerbitan Melayu
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan

• • • • • • •

WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan

Terima sijil akhiri perkampungan	5
Timba pengetahuan melalui lawatan dan taklimat	6
Dedahkan peserta program Perintah Kanun Jenayah Syariah	7
Kongsi pengalaman menerusi dialog	8
Auditorium Jabatan Penerangan	8
Semai kecintaan terhadap raja dan Negara	9
PMB Landasan meningkatkan ilmu pengetahuan	9-10
Lawatan ke Syarikat Hiseaton Fisheries Sdn Bhd	11
Dedahkan maklumat mengenai ASEAN	11-12
Unit Hal Ehwal Antarabangsa	12-13
Taklimat Kenegaraan beri maklumat Pemandu Pelancong	13-14
Unit Penerbitan Inggeris 1	14
Jabatan Penerangan semarakkan Nuzul Al-Quran	15-16
Program Jejak Kasih Penerangan eratkan hubungan	16-17
Unit Kewangan	18
Jabatan Penerangan anjur perlawanan Badminton	19
Brunei Report	20
Aktiviti Jabatan Penerangan sepanjang bulan Ramadan 1440 Hijrah	21-22

Terima sijil akhiri perkampungan sivik

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Dk.Nur Hafilah Pg.Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Mei.- Para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam kali kedua 2019 menerima sijil masing-masing selepas mengikuti program tersebut selama enam hari lima malam.

Majlis penyampaian sijil tersebut disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad kepada 13 orang peserta pada majlis penutup yang diadakan di Bilik Serbaguna 2, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Hadir sama pada majlis tersebut, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan selaku Pengerusi program, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Majlis diteruskan dengan ucapan-ucapan daripada wakil peserta Ketua-ketua Kumpulan Bersama iaitu Awang Mohamad Wafiy Fakhri bin Haji Mohamad dan Dayang Nurul Yushida binti Mohd. Yusuf.

Dayang Nurul Yushida dalam ucapannya antara lain melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Penerangan kerena memberi mereka peluang menyertai program berkenaan dimana menurutnya banyak memberikan mereka pengetahuan dan pengalaman yang berharga.

Turut diadakan pada majlis tersebut ialah sesi dialog dan ramah mesra bersama Pemangku Pengarah Penerangan dan diikuti Makan Malam BBQ.

Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam kali kedua 2019 ini di anjurkan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi menyampaikan sijil kepada para peserta yang menamatkan program perkampungan tersebut (atas dan bawah).



Dayang Nurul Yushida ketika berucap selaku wakil peserta dengan melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Penerangan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama 13 peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam kali kedua 2019 di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Timba pengetahuan melalui lawatan dan taklimat

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN. – Aktiviti para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam kali kedua 2019 anjuran Jabatan Penerangan terus dipadati dengan beberapa taklimat dari pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta selain dibawa melawat.

Pada 1 Mei yang lalu para peserta telah didedahkan dengan taklimat mengenai Wawasan Brunei 2035 yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Dayang Hajah Nur Hamizah binti Haji Ismail di East Wing, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Antara kandungan taklimat tersebut menjelaskan bahawa Wawasan Brunei 2035 adalah penting demi generasi pada masa ini dan generasi masa hadapan di mana ia adalah satu harapan negara untuk mempertahankan kesejahteraan rakyat serta anak-anak bangsa masa kini.

Pada hari yang sama para peserta program juga telah mengadakan lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN) di ibu negara.

Selain melihat secara lebih dekat mengenai Bangunan Lapau, para peserta program juga telah berkesempatan mendengarkan taklimat mengenai sejarah bangunan berkenaan yang disampaikan oleh Pegawai Penyelidik Adat Istiadat, Awang Mohammad Khairol Nazwan bin Karim.

Antara peristiwa yang pernah berlangsung di bangunan tersebut ialah seperti Majlis Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka



SALAH seorang pegawai dari Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, semasa menyampaikan taklimat mengenai Wawasan Brunei 2035 di East Wing, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Ogos 1968 dan Upacara Menandatangani Pindaan Perjanjian 29 September 1959 dengan Great Britain pada 23 November 1971.

Para peserta program turut memperdengarkan taklimat mengenai Terasul dan Bahasa Pengganti Diri ‘Bahasa Dalam’ yang disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Awang Mohammad Zaizul bin Haji Daud.

Manakala pada sebelah malamnya pula, para peserta program telah mendengarkan taklimat bertajuk ‘Peranan dan Tanggungjawab sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam’ yang disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Kompleks Sukan Sungai Kebun.



KETUA Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa memberikan taklimat ‘Peranan dan Tanggungjawab sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam’ di Bilik Serbaguna 2, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Dedahkan peserta program Perintah Kanun Jenayah Syariah

Berita dan Foto: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Mei. - Kesalahan-kesalahan yang dikenakan ke atas orang Islam ialah Irtidad (murtad), pemujaan, tidak menunaikan Sembahyang Jumaat dan tidak membayar zakat atau fitrah.

Manakala kesalahan yang dikenakan bagi mereka yang bukan Islam pula adalah Khalwat jika dilakukan bersama orang Islam, minum minuman yang memabukkan di tempat awam dan melakukan zina bersama orang Islam.

Perkara tersebut antara yang terkandung dalam taklimat mengenai Perintah Kanun Jenayah Syariah yang di sampaikan oleh Pegawai Perundungan Syariah Unit Perundungan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Khairul Nazri bin Pengiran Haji Shahbudin kepada para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah NBD kali kedua 2019 anjuran Jabatan Penerangan di Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini.

Sebelumnya, para peserta program juga telah mendengarkan taklimat mengenai Jenayah Siber daripada IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS) yang disampaikan oleh Pegawai Operasi, Dayang Nomi Hafiz Zakiah binti Haji Pawi dan Penganalisis Keselamatan, Awang Eddysham bin Sanif.

Taklimat tersebut turut menjelaskan mengenai Akta Penyalahgunaan Komputer, di samping menerangkan



PENOLONG Pensyarah Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Ahmad @ Ahmad Asri Lubis semasa menyampaikan ceramah kuliah subuh kepada para peserta Perkampungan Sivik.

antara kes-kes yang dilaporkan sama ada dalam mahupun luar negara.

Sementara dalam kuliah subuh yang diadakan pada awal pagi, para peserta program telah dijelaskan mengenai tiga tuntutan dan keperluan utama manusia iaitu mengenal Khaliq semampunya, mengetahui perkara yang bermanfaat serta berbahaya di dunia ini dan mengetahui perihal sesudah mati.

Ceramah disampaikan oleh Penolong Pensyarah Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Ahmad @ Ahmad Asri Lubis.

Katanya, tiga perkara tersebut jika kita lakukan dengan baik, kita tidak akan mengeluh pada Hari Penyesalan kelak. Malah kita sudah dapat menjangkakan kebahagiaan hidup yang akan menunggu, biiznilah.



PEGAWAI Perundungan Syariah Unit Perundungan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Khairul Nazri bin Pengiran Haji Shahbudin semasa menyampaikan taklimat mengenai Perintah Kanun Jenayah Syariah kepada para peserta Program Perkampungan Sivik di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Kongsi pengelaman menerusi dialog

Oleh: Unit Penerbitan Melayu/Foto: Md Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Mei. - Peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam kali kedua 2019 telah mengadakan sesi Dialog bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, yang diadakan di Bilik Serbaguna, Restoran Tarindak D'Seni.

Semasa sesi tersebut Yang Berhormat telah berkongsi sedikit sebanyak pengalaman dan pencapaian beliau sehingga menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Dalam pertemuam ini juga beliau turut menyeru para peserta Perkampungan Sivik untuk melibatkan diri dalam berbagai aktiviti kesukarelawanan serta mengambil peluang-peluang yang ada untuk memajukan diri.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



SESI Dialog bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii yang diadakan di Bilik Serbaguna, Restoran Tarindak D'Seni. Hadir sama Pemangku Timbalan Pengarah, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



SEBAHAGIAN daripada para peserta program Perkampungan Sivik semasa hadir pada sesi dialog tersebut.

Auditorium Jabatan Penerangan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

AUDIORIUM merupakan salah satu kemudahan yang terdapat di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Dewan yang berbentuk teater ini boleh memuatkan 108 buah meja dan kerusi atau 225 tempat duduk.

Dewan yang dilengkapi dengan pendingin hawa turut dilengkapi dengan beberapa kemudahan lain seperti alat pembesar suara dan projektor.

Pada masa ini dewan tersebut bukan saja digunakan oleh pihak Jabatan Penerangan malah juga sering kali turut digunakan oleh beberapa buah jabatan kerajaan yang lain dalam mengendalikan berbagai kegiatan.

Setiap permohonan dari luar jabatan yang ingin menggunakan auditorium tersebut akan berurusan bersama pihak pentadbiran Jabatan Penerangan sebelum mendapat kebenaran dari Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan.



AUDITORIUM Jabatan Penerangan boleh memuatkan 225 tempat duduk.



PERALATAN PA System merupakan salah satu kelengkapan peralatan yang terdapat di auditorium tersebut.

Semai kecintaan terhadap raja dan Negara

Siaran Akhbar Jabatan Penerangan
Foto: Masri Osman

SERASA, 2 Mei - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera Dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam Serasa.

Taklimat turut dihadiri oleh pengetua, tenaga pengajar serta penuntut-penuntut tahun 7 sekolah berkenaan seramai 114 pelajar.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Awang Mohd Nurakram bin Noraini @ Bahrin, Penolong Pegawai Penerangan dari Unit Kenegaraan.

Antara perkara yang disentuh dalam taklimat tersebut ialah mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan terperinci.

Semasa program tersebut para pelajar turut menyaksikan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’, ‘Semarak Pengibaran Bendera Negara’ dan Video Animasi ‘Tatacara Menaikkan Bendera Negara’ selain berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.

Program antara lain bertujuan untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang



PENOLONG Pegawai Penerangan dari Unit Kenegaraan, Awang Mohd Nurakram bin Noraini @ Bahrin ketika menyampaikan taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera Dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam Serasa.



PARA pelajar berdiri tegak semasa menyanyikan lagi kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan Raja, bendera Negara dan lagu kebangsaan.

PMB Landasan meningkatkan ilmu pengetahuan

Siaran Akhbar Jabatan Penerangan
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. – Sebagai usaha Jabatan Penerangan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menyuntik semangat diri serta memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat, salah satunya adalah menerusi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB).



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendekar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu hadir selaku tetamu kehormat.

Dari muka 9

PMB kali ini dilaratkan bagi penduduk-penduduk Kampung Tanjong Bunut, Mukim Kilanas yang diadakan di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

PMB merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Program tersebut akan diadakan secara berterusan di keempat-empat daerah selaras dengan usaha jabatan ke arah membudayakan masyarakat bermaklumat dengan tujuan untuk mengukuhkan jati diri dan memberi keyakinan yang tinggi dalam menangani cabaran dan pengaruh kehidupan yang



SEBAHAGIAN peserta PMB ketika hadir pada majlis pembukaan program tersebut.

boleh mengganggu keharmonian, kesejahteraan dan kestabilan kehidupan di negara ini.

Program selama sehari tersebut turut diselajurkan dengan taklimat ‘Wawasan Negara Brunei 2035’ yang disampaikan oleh Pegawai Ekonomi Kanan, Sekretariat Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Nur Edzalina binti Haji Idris dan taklimat taklimat ‘Undang-Undang Buruh / Kemasukan Pekerja Asing’ yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pesuruhjaya Buruh, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohammad Hazizul bin Hassan.



PARA penduduk Kampung Tanjung Bunut, Mukim Kilanas yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat bergambar ramai di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut.

Lawatan ke Syarikat Hiseaton Fisheries Sdn Bhd

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. – Program Masyarakat Bermaklumat bagi penduduk-penduduk Kampung Tanjung Bunut meneruskan aktiviti mereka dengan mengadakan lawatan ke Syarikat Hiseaton Fisheries (B) Sendirian Berhad, Aquaculture Development Center yang bertempat di Jalan Pantai Meragang.

Lawatan tersebut adalah bagi mengetahui perkembangan dan pencapaian terkini serta aktiviti-aktiviti industri perikanan syarikat tersebut.

Para peserta diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Jumat yang juga selaku Pengurus Majlis Perundingan Kampung Tanjung Bunut.

Program di anjurkan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan melibatkan lebih 40 peserta.

Semasa lawatan tersebut para peserta PMB turut mendengarkan taklimat mengenai syarikat berkenaan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Pentadbirannya, Dayang Siti Nuratika Sri Mu'izzah binti Md Hadi Muslim; Penolong Pengarah Urusan, Michelle Chen Pei Yin dan Penolong Pengurus Besar (Production Department), Dayang Siti Nurafiqah Basyirah binti Hussin.



ROMBONGAN bagi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Tanjung Bunut ketika melawat Syarikat Hiseaton Fisheries (B) Sendirian Berhad, Aquaculture Development Center.



PESERTA PMB ketika melawat kolam ternakan ikan di Jalan Pantai Meragang.

Dedahkan maklumat mengenai ASEAN

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mei. – Untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COICI telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di Sekolah Sukan.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan memandangkan mereka ini adalah bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara.



PEGAWAI Tugas-tugas Khas Tingkat II selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan semasa menyampaikan taklimat Kenali Negara ASEAN di Sekolah Sukan.

Dari muka 11

Dalam masa yang sama program ini diwujudkan untuk mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat, khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam selain untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN di samping mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengenali ASEAN serta peranan organisasi itu dalam membangun negara-negara anggotanya.

Taklimat Kenali Negara ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Melalui taklimat seumpama itu diharap akan dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik di kalangan



SALAH seorang pelajar ketika diuji dalam segmen kuiz.

para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti. (One Vision, One Identity, One Community).

Unit Hal Ehwal Antarabangsa

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

UNIT Hal Ehwal Antarabangsa merupakan salah sebuah unit di bawah Pengarah Penerangan. Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan dan tiga orang kakitangan di bawahnya.

Antara tugas dan tanggungjawab unit ini ialah untuk menyelaras dan memantau kerjasama penerangan dan media dengan negara-negara serantau dan antarabangsa seperti AMRI, BIMP-EAGA, OIC dan UNESCO.

Juga berperanan selaku setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COICI (Sub-Committee on Information).

Ke muka 13



SUDUT ASEAN merupakan salah satu sudut yang ada di Unit Hal Ehwal Antarabangsa.

Dari muka 12

Selain itu, unit ini juga sering membuat jerayawara Kenali ASEAN ke sekolah-sekolah menengah di keempat-empat daerah ke arah meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai ASEAN melalui penyampaian taklimat, seminar dan bahan-bahan cetak.

Unit ini juga menyelaras program-program kerjasama latihan dan penempatan ASEAN dan antarabangsa di samping merancang, melaksana, menyelaras dan memantau program-program kerjasama bidang penerangan di bawah Memorandum Persafahaman dengan negara-negara luar seperti Malaysia, Thailand, dan Singapura.



- Official Website ASEAN.org
 - About ASEAN
 - News
 - Resource
 - Opportunities
 - Communities
 - ASEAN Political - Security Community
 - ASEAN Economic Community
 - ASEAN Socio-Cultural Community
- The ASEAN Virtual Learning Resource Centre (AVLRC)
- Information about ASEAN Member States
 - Geographical location
 - Capital city
 - National anthem
 - Official language
 - Official religion
 - Political system
 - Economy
 - History
 - Travel guide
 - Events
 - Places of interest
- Calendar
- Photo Gallery of ASEAN
- Video Gallery from Official ASEAN Secretariat Youtube Channel
- Timezone for each ASEAN Member States
- Quiz to test user's knowledge on ASEAN
- Social Media
 - (Facebook, Instagram and Twitter)

Available on the GET IT ON

Project under Sub-Committee on Information (SCI)
ASEAN Committee on Culture and Information (COCI)

APPS ASEAN merupakan salah satu apps untuk mengenalkan ASEAN kepada masyarakat di negara-negara ASEAN (atas) dan (bawah kiri) BUKU-buku yang di sumbangkan oleh Negara-negara ASEAN tersusun rapi tersimpan di Unit Antarabangsa.

Taklimat Kenegaraan beri maklumat Pemandu Pelancong

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BANDAR BEGAWAN, 25 Mei. - Seramai 30 orang pemandu pelancong dari berbagai agensi pelancongan di negara ini mendengarkan taklimat kenegaraan yang diadakan di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Rombongan tersebut diketuai oleh Pegawai Pelancongan, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Nur Fariza Munyati Hj Abd Aji.

Taklimat kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Ke muka 14



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Nur Akram bin Noraini @ Bahrain semasa menyampaikan taklimat kenegaraan kepada para pemandu pelancong.

Dari muka 13

Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya selaku Ketua Unit Kenegaraan dan Penolong Pegawai Penerangan, Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Nur Akram bin Noraini @ Bahrin.

Menurut Dayang Hajah Nur

Fariza, mereka memilih Jabatan Penerangan untuk mendengarkan taklimat tersebut kerana di jabatan ini mereka boleh mendapatkan berbagai maklumat yang boleh di terangkan kepada pelancong.

Katanya, taklimat yang disampaikan seperti hal-hal kenegaraan, kebudayaan, lagu



SEBAHAGIAN pemandu pelancong semasa mendengarkan taklimat tersebut.



PEGAWAI Pelancongan, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Nur Fariza Munyati Hj Abd Aji mengetuai rombongan pemandu pelancong pada taklimat tersebut.

kebangsaan adalah amat perlu untuk mereka ketahui terutama kepada pemandu pelancong untuk disampaikan kepada para pelancong yang datang ke negara ini.

Unit Penerbitan Inggeris 1

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

UNIT Penerbitan Inggeris 1 termasuk di bawah Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik. Unit ini diketuai oleh Pegawai Penerangan, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman dan empat orang kakitangan di bawahnya.

Unit ini berperanan dalam menerbitkan buku-buku dan majalah dalam Bahasa Inggeris untuk bacaan dan rujukan para pembaca dari dalam dan luar negeri.

Buku-buku yang diterbitkan mengetengahkan dasar, matlamat dan aspirasi negara untuk mencapai hala tuju Wawasan Brunei 2035.

Antara isi kandungan buku-buku yang diterbitkan oleh unit ini ialah untuk menyebarluaskan peranan dan usaha kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat dengan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang ekonomi, pembangunan, pendidikan, alam sekitar dan seumpamanya.



SEBAHAGIAN buku-buku yang diterbitkan Unit Penerbitan Inggeris 1.

Unit Penerbitan Inggeris 1 menerbitkan Brunei Darussalam Newsletter, Majalah Brunei Today, Buku Brunei in Seconds, Buku Social Customs and Courtesies of Brunei Darussalam dan Buku-buku Daerah iaitu Brunei-Muara District, Belait District, Temburong District dan Tutong District.

Jabatan Penerangan semarakkan Nuzul Al-Quran

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hadir pada majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Jabatan Penerangan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan sumbangan derma kepada anak-anak yatim warga Penerangan (atas dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Mei.- Jabatan Penerangan Perdana Menteri mengadakan Sambutan Nuzul Al-Quran di surau Bangunan Lama Jabatan Penerangan dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis bermula dengan bacaan surah Al-Fatihah dan diikuti bacaan doa selamat yang dipimpin oleh Awang Hisyam bin haji Idris.

Majlis diteruskan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.

Dari muka 15

Majlis kemudiannya di susuli dengan Majlis Khatam Al-Quran bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan sempena Bulan Ramadan yang dikepalai oleh Awang Hisyam bin Haji Idris.

Majlis turut diselajurkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim warga Penerangan yang di sempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.



HADIR sama pada majlis tersebut Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan ketika sama-sama membacakan tahtim Al-Quran sempena majlis Khatam Al-Quran.

Program Jejak Kasih Penerangan eratkan hubungan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Mei. - Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri buat julung-julung kalinya telah mengadakan Program Jejak Kasih Penerangan Sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 2019.

Projek yang diadakan ini adalah untuk menyantuni warga-warga Penerangan yang kurang berkeupayaan yang mungkin memerlukan sebarang bantuan khususnya dalam membuat persiapan Hari Raya yang menjelang tiba.

Sumbangan derma/bantuan yang dihulurkan berbentuk barang-barang keperluan harian termasuk barang-barang keperluan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Di Daerah Brunei dan Muara, sumbangan diserahkan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad kepada Dayang Husni binti Metassim, di rumah beliau di Jalan Lubok Sigurun, Kampung Mulaut, Jalan Limau Manis.

Ke muka 17

Dari muka 16

Sementara sumbangan kedua diserahkan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar kepada Dayang Tainun binti Damit di rumahnya di Kampung Lumapas.

Program Jejak Kasih Penerangan ini turut dilaratkan di daerah-daerah yang mana penyampaiannya di sempurnakan oleh ketua-ketua cawangan Penerangan.



PEMANGKU Pengarah Peneragan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan sumbangan kepada Dayang Husni binti Metassim sempena Program Jejak Kasih Penerangan Sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 2019.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa menyerahkan sumbangan kepada Dayang Tainun binti Damit di rumahnya di Kampung Lumapas.



KETUA Penerangan Cawangan Daerah Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akbar bin Pengiran Haji Sellahuddin semasa menyampaikan sumbangan di Daerah Belait.

SUMBANGAN sempena Program Jejak Kasih Penerangan Sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 2019 turut diadakan di Daerah Temburong.



PEMANGKU Ketua Kampung Bukit Udal, Mukim Tanjung Maya Tutong semasa menyampaikan sumbangan derma anak-anak yatim bagi Program Jejak Kasih Penerangan Sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 2019.

Unit Kewangan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

UNIT Kewangan merupakan salah satu unit penting di dalam pentadbiran Jabatan Penerangan yang di letakkan di bawah Unit Pentadbiran dan Kewangan. Unit ini diketuai oleh Penolong Pegawai kewangan Tingkat 1, Dayang Siti Imasuhidah @ Salina binti Matali dan lima orang kakitangan dibawahnya.

Unit ini bertanggungjawab bagi menyediakan cadangan Permohonan Anggaran Peruntukan Tahun Kewangan selain memantau peruntukan dan perbelanjaan Jabatan bagi semua pembelian dan pesanan serta menyediakan surat lantikan kepada pembekal.

Selain itu unit ini juga bertanggungjawab seperti memproses pembayaran melalui sistem TAFIS; memproses pembayaran elaun cuti tambang, elaun pelajaran, elaun memangku, elaun lebih masa, gaji bulan, gaji hari, elaun perjalanan tetap, elaun rumah ke pejabat dan hitung kilometer; memproses perkiraan Bonus bagi Pegawai dan Kakitangan Jabatan; memproses kenaikan gaji tahunan Pegawai dan Kakitangan Jabatan setelah mendapat kebenaran EB dan Sekatan EB; memproses permohonan pinjaman pembelian kenderaan; memproses pembayaran tuntutan bagi penghantar Pelita Brunei, peserta Pentarama, peserta yang mengikuti aktiviti dalam ruangan Pelita Brunei seperti Minda Pembaca, Lensa, Selera Kampung Kitani dan lain-lain; mengurus tiket penerbangan, wang pendahuluan dan pembayaran elaun bagi pegawai/kakitangan yang membuat liputan atau menghadiri kursus/taklimat di luar negara; menguruskan tuntutan yang menggunakan peruntukan Kementerian/Jabatan lain selain menjadi selaku urusetia Mesyuarat sebutharga.



MESYUARAT sebutharga yang diadakan setiap hari Rabu yang di kendalikan oleh Unit Kewangan.

Jabatan Penerangan anjur perlawanan Badminton

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Mei. - Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri akan menganjurkan perlawanan badminton sempena memperingati penubuhan Jabatan Penerangan Ke-67 tahun.

Perlawanan tersebut dibukakan kepada jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan media tempatan yang dijemput sahaja.

Bagi memastikan kelancaran perlawanan berjalan lancar satu mesyuarat telah di adakan pada 21 Mei 2019 di Bilik Persidangan Tingkat 2, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan dengan membincangkan persiapan pengendalian perlawanan tersebut.

Kategori perlawanan berkonsepkan berpasukan mengandungi 8 orang pemain termasuk pengurus pasukan seperti dua bergu lelaki dan satu bergu campuran.

Perlawanan akan bermula pada 17 Jun hingga 20 Jun 2019 bagi peringkat saringan manakala peringkat separuh akhir akan diadakan pada 21 Jun 2019 dan peringkat akhir pada 23 Jun 2019. Kesemua perlawanan akan diadakan di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam

Perlawanan antara lain bertujuan untuk memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan di antara jabatan-jabatan dan media tempatan untuk berinteraksi dan bertukar-tukar pandangan dalam bidang masing-masing selain untuk memupuk semangat perpaduan sukan, kecerdasan daripada segi kesihatan fizikal dan mental serta persahabatan di kalangan pemain-pemain badminton.

Jabatan Penerangan ditubuhkan pada 1 April 1952 dan pada awalnya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan Brunei. Antara sebab ianya ditubuhkan adalah bagi mengeratkan hubungan antara kerajaan dan rakyat khususnya di dalam sama-sama menjayakan usaha membangun negara.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan yang dilantik bagi mengendalikan perlawanan badminton sempena memperingati penubuhan Jabatan Penerangan Ke-67 semasa mengadakan mesyuarat.

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

UNIT Brunei Report merupakan salah satu unit di bawah Pengarah Jabatan Penerangan. Unit ini diketuai oleh Awang Musa bin Haji Mohiddin selaku Pegawai Penerangan.

Unit tersebut berperanan untuk menerbitkan buku laporan kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam bahasa Inggeris. Laporan tersebut ditulis setiap tahun iaitu tahun demi tahun.

Buku yang berbentuk laporan kerajaan tersebut memuatkan tentang projek-projek atau aktiviti-aktiviti setiap kementerian dan jabatan di negara ini.

Menurut Awang Musa, buku-buku tersebut bukan sahaja dijadikan sebagai bahan rujukan kepada penduduk di dalam negara tetapi juga pembaca negara ini yang berada di luar negeri.

Pengisian dari buku tersebut merupakan hasil maklum balas yang didapatkan dari setiap jabatan dan kementerian yang berkenaan termasuk juga badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat milik negara (government link company).

“Misalnya kalau buku itu merujuk kepada laporan tahunan 2014 maka semua kementerian akan menyampaikan semua maklumat iaitu aktiviti atau mana-mana program yang mereka lakukan pada tahun tersebut”. Ujar Awang Musa.

Buku tersebut diterbitkan dalam dua versi iaitu cetakan dan *online*. Menyentuh *online*, Awang Musa menjelaskan ia secara tidak langsung memudahkan penduduk di negara ini yang berada di luar negeri untuk mendapatkannya.



AWANG Musa bin Haji Mohiddin, Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Brunei Report.

Aktiviti Jabatan Penerangan sepanjang bulan Ramadan 1440 Hijrah



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa bertugas di Istana Nurul Iman sempena Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi golongan tertentu bagi Daerah Brunei dan Muara.



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait (kiri) dan Cawangan Daerah Temburong (kanan) semasa bertugas sempena Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



PENYIMPANAN Digital Signage di KB Sentral, Daerah Belait.

Aktiviti Jabatan Penerangan sepanjang bulan Ramadan 1440 Hijrah



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan tidak melepaskan peluang merebut ganjaran pahala yang berlipat ganda di sepanjang bulan ramadan dengan melakukan tedaruk Al-Quran.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa menghadiri majlis tedaruk di bulan ramadan.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa menyampaikan bantuan kepada salah seorang penerima bantuan bagi Program Jejak Kasih Penerangan Sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 2019.



جوالن بوكتريبيتن

جابتني قرغش

DAPATKAN
SEKARANG!

JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis	8.00 Pagi – 12.00 T/hari
	2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu	8.00 Pagi – 11.00 Pagi

HIMPUNAN TITAH

Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00

HIMPUNAN SABDA

Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00



HALUAN

Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015 - 2016	\$12.50
2017	\$8.50



BRUNEI TODAY

Edisi	Harga
Sept 2017 - Jubli Emas	\$3.50
Jun 2018	\$2.50

KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016

Harga
\$3.50



Harga
\$11.50

BRUNEI DARUSSALAM
NEGARAKU
2015 - 2016



Harga
\$4.00

BRUNEI-MUARA
DISTRICT



Harga
\$3.50

BELAIT DISTRICT TUTONG DISTRICT TEMBURONG DISTRICT

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,
BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 5221342

CAWANGAN DAERAH TUTONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN
DAERAH TUTONG, TA1314,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 4220290

CAWANGAN DAERAH BELAIT

PEJABAT PENERANGAN
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,
KB4333, DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 3224636

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**